

# **CURRICULUM FORUM**

---

## **DAY 2023**

# FOKUS PERKONGSIAN HARI INI

---

- Membina keupayaan penulisan Karangan berdasarkan gambar dari segi **Struktur** dan **Isi** untuk **Darjah 3 dan 4**
- Cg Jamaliah akan berkongsi bahagian **struktur penulisan** dan Cg Nur Aisyah bahagian **isi- peluasan idea/ ayat.**

# **”IBU BAPA BOLEH MAIN PERANAN BANGUNKAN BAHASA MELAYU ANAK”**

- ❖ Selain guru yang mengajar pelajar di sekolah, ibu bapa mempunyai peranan penting dalam perkembangan bahasa Melayu dalam kehidupan harian anak-anak.
- ❖ Perkataan-perkataan yang diperkenal oleh ibu bapa kepada anak-anak akan dapat membantu mereka lebih menghargai bukan Bahasa itu sahaja, bahkan budaya dan sastera Melayu.

# **LANGKAH PROAKTIF YANG BOLEH DIAMBIL IBU BAPA BAGI PEMBANGUNAN BAHASA ANAK- ANAK.**

- ❖ Pendedahan melalui menonton atau mendengar BERITA di stesen radio atau televisyen.
- ❖ Membudayakan berbahasa Melayu di rumah.
- ❖ Muat turun aplikasi yang baik untuk menarik minat.

**BOLEH DIMUAT  
TURUN SECARA  
PERCUMA  
MELALUI GOOGLE  
PLAY  
STORE DAN ITUNES  
APP STORE.**



**Bitara Kata**

Bitara Kata merupakan app permainan bahasa Melayu bagi menggalakkan pembelajaran secara penerokaan. Bitara Kata mencabar pemain untuk meneroka pelbagai dunia menerusi avatar untuk mencari seberapa banyak perkataan berkaitan pelbagai tema dan topik dalam bahasa Melayu. Tema dan topik ini merangkumi pelbagai aspek termasuklah bahasa, budaya, seni dan sastera yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Bitara Kata mengandungi lebih daripada 10,000 patah perkataan untuk ditemui dalam permainan bahasa yang menyeronokkan.

Boleh dimuat turun secara percuma melalui [Google Play Store](#) dan [iTunes App Store](#).

**BOLEH DIMUAT  
TURUN SECARA  
PERCUMA  
MELALUI GOOGLE  
PLAY  
STORE DAN ITUNE  
SAPP STORE.**



#### PINTAR KATA

*Pengumuman:*

*App Pintar Kata telah dikemas kini. Sila padam versi lama App Pintar Kata dalam peranti Cikgu dan muat turun App Pintar Kata yang terkini di Apple Apps Store.*

App Pintar Kata merupakan permainan bagi merangsang perluasan kosa kata pemain. Selain menggunakan pengetahuan sedia ada, pemain dapat mengenal pasti kosa kata menerusi penerokaan dan percubaan. Selamat mencuba.

**BOLEH DIMUAT  
TURUN SECARA  
PERCUMA  
MELALUI GOOGLE  
PLAY  
STORE DAN ITUNE  
SAPP STORE.**



#### PINTAR PERIBAHASA

*Pengumuman:*

*App Pintar Peribahasa telah dikemas kini . Sila padam versi lama App Pintar Peribahasa dalam peranti Cikgu dan muat turun App Pintar Peribahasa yang terkini di Apple Apps Store.*

App Pintar Peribahasa ini dihasilkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). App ini dibina bagi menggalakkan pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah dengan menuil teknologi komunikasi dan informasi. Diharapkan, pembelajaran peribahasa bagi peringkat sekolah rendah menjadi lebih seronok dan relevan dengan

# PENULISAN

---

**Membina keupayaan menulis Karangan**

**Darjah 3 dan 4**

**Jumlah markah karangan:**

Isi	10
Bahasa	10

# **2 PERKARA YANG PERLU DILIHAT DALAM MEKANIS PENULISAN**

<b>I</b>	<b>Struktur</b>
<b>2</b>	<b>Isi</b>

# **STRUKTUR**

---

<b>1</b>	<b>Ejaan</b>
<b>2</b>	<b>Tanda Baca</b>
<b>3</b>	<b>Pemerengganan</b>

# **ISI**

---

<b>I</b>	<b>Idea</b>
<b>2</b>	<b>Kosa Kata</b>
<b>3</b>	<b>Frasa</b>
<b>4</b>	<b>Ayat</b>
<b>5</b>	<b>Nahu</b>

# **MASALAH YANG SERING TIMBUL DALAM KARANGAN PELAJAR**

<b>TANDA BACA</b>	tidak membubuh tanda noktah, tidak menulis nama dengan huruf besar, tidak mulakan ayat dengan huruf besar dan sebagainya
<b>PEMERENGGANAN</b>	tidak memisahkan idea dalam perenggan baharu dan tidak menulis dialog di perenggan baharu
<b>IDEA</b>	tidak meluaskan atau mengembangkan isi cerita dengan secukupnya
<b>KOSA KATA</b>	menggunakan kosa kata yang kurang tepat
<b>AYAT</b>	agak lemah dalam membina ayat kompleks

# TANDA BACA

---

- **Huruf besar & huruf kecil** – mesti jelas perbezaannya.

Contoh: Ss , Kk , Yy , Jj , Ll

- **Kata Nama Khas** – nama-nama tempat dan orang.

Contoh: Sekolah Rendah Meridian , Pasar Raya Giant

Cikgu Siti, Hadi, Ana

Mak Cik Lina, Pak Cik Sani

# TANDA BACA

---

- **Ayat** – bermula dengan huruf besar and berakhir dengan noktah (tanda titik)

Contoh ayat:

Siti akan membaca buku sementara menunggu kakaknya tiba.

- **Dialog** – bermula dengan tanda petik “.....”

Contoh ayat:

“Kakak boleh bantu Ana? Ana mahu belajar mengeja dan imlak,” kata Ana kepada kakaknya Siti.

# **PEMERENGGANAN**

---

- **Untuk idea baharu dan dialog mesti bermula di perenggan yang baharu.**

Contoh:

Zaid berfikir sejenak setelah mendengar kata-kata Ayah lalu bertanya, “Ayah, apakah yang akan terjadi jikalau kita tidak minum air?”

“Manusia tidak dapat hidup sekiranya tidak minum air selama tiga hingga lima hari,” jelas Ayah.

# **CONTOH PENGGUNAAN KOSA KATA YANG KURANG TEPAT**

<b>KESILAPAN UMUM</b>	<b>PEMBETULAN</b>
Adik akan <b>jadi baik</b> .	Adik akan <b>pulih</b> .
Adik <b>mencuba mengajak</b> abangnya.	Adik <b>memujuk</b> abangnya.
Dia berjanji akan <b>menukar</b> perangainya.	Dia berjanji akan <b>mengubah</b> perangainya.
Jangan <b>membuat</b> kesalahan kamu lagi.	Jangan <b>mengulangi</b> kesalahan kamu itu.
Mata Ahmad <b>pusing</b> ke arah katil.	Ahmad <b>melirik/menjeling</b> ke arah katil.

# **MEMBINA AYAT KOMPLEKS**

**Kelemahan meluaskan ayat dengan Kata Sendi Nama**

---

**CONTOH:**

**Kerap Digunakan**

dan, lalu, tetapi,  
kerana

**Tidak Digunakan Dengan  
Tepat**

kepada, terhadap, ke arah,  
oleh sebab, akan tetapi

# PENTING:

---

MURID PERLU TAHU FUNGSI  
**KATA SENDI NAMA UNTUK MENYOKONG**  
TUJUAN YANG HENDAK DIKETENGAHKAN.

# CONTOH KELEMAHAN DALAM MEMBINA AYAT KOMPLEKS

KESILAPAN	PEMBETULAN
Dia duduk <b>kat</b> tepi longkang.	Dia duduk <b>di</b> tepi longkang.
Hadi memberi buku itu <b>pada</b> ayah.	Hadi memberi buku itu <b>kepada</b> ayah.
Adi <b>dengan</b> kawannya pergi ke sekolah.	Adi pergi ke sekolah <b>dengan</b> kawannya.

KESILAPAN	PEMBETULAN
Ali mandi pada waktu pagi <b>untuk</b> segar.	Ali mandi pada waktu pagi <b>supaya</b> segar.
Dia bertanya <b>ke</b> kawannya bagaimana membuat latihan itu.	Dia bertanya <b>kepada</b> kawannya bagaimana membuat latihan itu.
Hani makan nasi <b>pakai</b> sudu.	Hani makan nasi <b>dengan</b> sudu.



# **PELUASAN AYAT**

---

Bagi peringkat **Darjah 3 dan 4**, murid boleh cuba meluaskan ayat dengan **Kata Sendi Nama** yang mudah seperti **yang, dengan, supaya, untuk, terhadap, kepada, lalu** dan sebagainya.

# KATA SENDI NAMA ‘YANG’ DAN ‘DENGAN’

---

- ‘**yang**’ menerangkan lebih lanjut dan boleh digabungkan dengan **adjektif** e.g yang cantik itu, yang nakal itu
- ‘**dengan**’ bermaksud beserta atau bersama-sama/ cara sesuatu dilakukan, boleh digabungkan dengan **kata nama** (alat/benda, manusia) atau **adjektif**.

# **SEBAGAI PERMULAAN**

---

**Contoh ayat tunggal (I):**

Akid sedang menyiram pokok.

# **PELUASAN MENGGUNAKAN 'YANG'**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi**

**Nama:**

Akid sedang menyiram pokok **yang** besar itu.

# **PELUASAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN ‘DENGAN’**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi**

**Nama:**

Akid sedang menyiram pokok **yang** besar  
itu **dengan** sebal di air.

# **SEBAGAI PERMULAAN**

---

**Contoh ayat tunggal (2):**

Ibu memasak lauk kari.

# **PELUASAN MENGGUNAKAN ‘YANG’**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi  
Nama:**

Ibu memasak lauk kari **yang** pedas.

# **PELUASAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN ‘DENGAN’**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi  
Nama:**

Ibu memasak lauk kari **yang** pedas **dengan**  
berhati-hati.

---

**KITA MASIH BOLEH LUASKAN  
AYAT –AYAT DI ATAS**

# **KATA TUGAS ‘SUPAYA’ DAN ‘UNTUK’**

---

- ‘supaya’ bermaksud mudah-mudahan tercapai tujuan/ niatnya
- ‘untuk’ digunakan di hadapan **Kata Nama** dengan tujuan tertentu

# **PELUASAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN ‘SUPAYA/ AGAR’**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi  
Nama:**

Akid sedang menyiram pokok **yang** besar  
itu **dengan** sebaldi air **supaya** pokok itu segar.

# **PELUASAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN ‘UNTUK’**

---

**Contoh ayat yang dibubuh Kata Sendi  
Nama:**

Ibu memasak lauk kari **yang** lazat dengan berhati-hati **untuk** anak-anaknya.

# **APA YANG SUDAH KITA SENTUH ADALAH PENGGUNAAN:**

---

- **yang**
- **dengan**
- **supaya**
- **untuk**

# KATA SENDI NAMA YANG SERING PERLU DIGUNAKAN DALAM KARANGAN

---

- ‘pada’ digunakan untuk waktu dan manusia
- ‘kepada’ digunakan untuk kata nama, pecahan atau menyatakan arah ke
- ‘terhadap’ digunakan untuk manusia, haiwan atau benda (**tidak** boleh digunakan untuk Kata Nama abstrak)

# CONTOH:

---

- Buku itu ada **pada** saya.
- Saya tiba di sekolah **pada** pukul 7 pagi.

# CONTOH:

---

- Adib bertanya **kepada** ayahnya mengapa budak itu menjerit.
- Tugasan itu dibahagi **kepada** 3 bahagian.
- Surat itu dihantar **kepada** datuk saya.

# CONTOH:

---

- Dia berasa marah **terhadap** kawannya.
- Saintis mengkaji respons virus **terhadap** sel manusia.

# MARI KITA CUBA

---



**Apakah yang berlaku di dalam gambar ini?**

- 1) Johan terlanggar pasu.**
- 2) Adam terkejut.**

# **CUBA LUASKAN AYAT-AYAT INI.**

---

I) Johan terlanggar pasu.

I) Adam terkejut.

yang	dengan	supaya	untuk
pada	kepada	terhadap	

# **SEBAGAI RUMUSAN**

## **MURID PERLU:**

---

- tahu mengeja
- berhati-hati dalam **membubuh Tanda Baca serta Pemerengganan**
- mengetahui dan **memahami fungsi Kata Sendi Nama** supaya dapat meluaskan ayat dengan berkesan dan menarik.

# IBU BAPA BOLEH CUBA:

---

- **Gunakan struktur ayat seperti ini di dalam perbualan** agar anak-anak terbiasa mendengar cara ayat-ayat ini dikembangkan.
- Galakkan anak supaya **membaca buku cerita Bahasa Melayu**.
- Menekankan kepentingan Bahasa Melayu (subjek PSLE)
- Mengingatkan anak-anak agar membaca nota yang diberi e.g **senarai peribahasa, ejaan, penjodoh bilangan** dsbnya.
- Sokong anak-anak jika mereka dipilih untuk mewakili sekolah untuk apa sahaja pertandingan.

# AKHIR KATA,

*Sama-sama kita berganding bahu untuk menghasilkan anak bangsa yang mengagungkan bahasa dan budaya Melayu.*

---

**TERIMA KASIH** ☺

